



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 14 TAHUN 2012**

SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGENDALI TEKSI

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 22 NOVEMBER 2012

Pengendali Teksi

SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGENDALI TEKSI

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung syarat tambahan kepada lesen pengendali teksi.

LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) sentiasa mengambil pendekatan terhadap penambahbaikan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam yang diberi kepada rakyat.
3. Penambahbaikan ini turut meliputi syarat-syarat yang dikenakan terhadap lesen pengendali yang dikeluarkan kepada semua pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam.

KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. S.P.A.D. telah memutuskan untuk menambah syarat baru sebagai salah satu syarat khas lesen pengendali kelas lesen teksi seperti berikut:

“Pemandu teksi di bawah lesen pengendali ini tidak boleh berunding dengan, menuntut daripada atau menawarkan kadar tambang kepada penumpang selain daripada tambang yang tertera pada meter teksi atau mengikut kawasan seperti mana yang dibenarkan oleh S.P.A.D”.

Syarat ini hendaklah dibaca bersama dan dijadikan syarat tambahan kepada syarat-syarat lesen pengendali kelas lesen teksi bermula dari tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa.

5. Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 sekiranya pengendali berlesen gagal mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

TARIKH KUATKUASA PEKELILING

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 22 November 2012.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

22 NOVEMBER 2012

Salinan kepada:

Ketua Bahagian Pengangkutan Awam Jalanraya
Ketua Bahagian Operasi Negeri
Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan Latihan
Semua Ketua Wilayah